



**PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG
KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER**

**TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER KE ATAS
TANAH SELUAS LEBIH KURANG 6.8942 HEKTAR KE ATAS PETAK A, KAWASAN
PERINDUSTRIAN BUKIT RAJA, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG**

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Perihal tanah adalah seperti berikut:-

1. Lokasi Tanah : Petak A, Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Mukim Kapar, Daerah Klang
2. Pelan Tapak : **Seperti di Lampiran**
3. Butiran Tanah :
 - a. Luas : 6.8942 hektar
 - b. Kegunaan yang perlu akan dibenarkan : Perindustrian
 - c. Zoning : Industri (Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Klang (Pengubahan 1) 2020
 - d. Dasar / polisi Kerajaan Negeri perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan.
 - i. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 2/2016 pada 11 Julai 2016 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil. 3/2016 dan dibaca bersama dengan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 1 September 2016.
 - ii. Perlu menyediakan cadangan jalan keluar masuk ke tapak yang dimaksudkan.
 - iii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi yang berminat, sila dapatkan borang permohonan **PB01/2010** dengan bayaran **RM5.00** dan **Dokumen Tender** dengan bayaran **RM50.00** daripada **Pejabat Daerah / Tanah Klang**. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENTADBIR TANAH KLANG
Pejabat Daerah / Tanah Klang
Jalan Kota
41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Tutup : 9 Disember 2016 - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.